



## Akaun Facebook EAIC digodam sejak jam 11 pagi tadi

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil - Julai 12, 2023 @ 9:59pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Akaun Facebook rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dilaporkan tidak dapat diakses pentadbir akaun, dipercaya digodam sejak jam 11 pagi tadi.

EAIC dalam satu kenyataan hari ini berkata, pihaknya belum berjaya mendapatkan akses kepada akaun Facebook terbabit sehingga kini.

"EAIC bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (MCMC) untuk mendapatkan kembali akses ke akaun itu

"Sehubungan itu, EAIC dengan ini menafikan sebarang status atau kenyataan yang dimuat naik di laman itu selepas jam 11 pagi hari ini," katanya.